

PM lakukan walkabout bagi temui orang muda

Utusan Online

26 Mei, 2012

Oleh THOMAS CHONG

PUTRAJAYA 26 Mei - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak memulakan walkabout di Himpunan Jutaan Belia di sini mulai pukul 3 tadi.

Dalam aktiviti itu, Najib akan beramah mesra dengan orang muda pelbagai kaum serta melawat beberapa tapak pameran dan aktiviti Himpunan Jutaan Belia.

Perdana Menteri dijangka berucap kepada belia yang hadir sebaik menghabiskan walkabout kira-kira pukul lima petang nanti. - UTUSAN

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0526&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_38.htm